

16/03/2003

Goh hamun akhbar ST kerana tohmahan terhadap Dr Mahathir

Munysi

PERDANA Menteri Singapura, Goh Chok Tong dilaporkan bersikap tenang dan tidak membangkitkan lagi soal pertelingkahan di antara republik itu dengan

Malaysia sama ada mengenai air atau pemilikan Pulau Batu Putih. Segalagalanya menjadi dingin, kata satu laporan The Straits Times (ST) dari Hanoi, baru-baru ini.

MUNSYI: Di sebalik kenyataannya konon tidak ada isu berbangkit dalam hubungan dengan Malaysia, akhbar ST milik PAP turut menyepi diri dan tidak

lagi menyiarkan laporan, rencana atau surat menyindir, menghina atau mengutuk Malaysia dan pemimpinnya.

Rupa-rupanya ia berpunca daripada tindakan Goh menghamun ST kerana menyiarkan satu rencana "We sayang you too, Dr Mahathir" pada 22 Februari

lalu. Ia membandingkan sikap dan pencapaian Goh dengan Perdana Menteri kita. Ini berlaku sejurus sebelum Goh tiba di KL bagi menghadiri sidang NAM.

Tentunya Jabatan Editorial ST gempar apabila pejabat Goh melenting. Wartawan Singapura biasanya bimbang, takut dan benci apabila ini berlaku kerana hidup tidak senang dibuat oleh penyiasat ejen ISD (Jabatan Keselamatan Dalam Negeri).

Bagaimanapun, apa yang lebih menarik adalah jawapan dan ulasan terhadap segala tohmahan dan kutukan dalam rencana itu, ditulis seorang rakyat Singapura. Salinan surat itu turut dikirim kepada pejabat Berita Harian Kuala Lumpur.

Di sini Munysi turunkan sebahagian ulasan berkenaan: "Sedang Goh menjanjikan rakyat Singapura 'Lebih banyak tahun bertuah' serentak itu juga ramai pekerja dibuang, Dr Mahathir sebaliknya berjaya merangsang semula ekonomi Malaysia.

"Sekurang-kurangnya Dr Mahathir tidak mengheret sesiapa ke mahkamah kerana berucap menentang beliau, hingga membuat mereka menjadi bankrap.

"Saya yakin JBJ (J. B Jeyaretnam), Tang Liang Hong, Chee Soo Juan, Francis Siow dan juga Devan Nair tidak akan menghadapi apa mereka alami kini jika Dr Mahathir adalah Perdana Menteri Singapura.

"Goh dibayar gaji yang lumayan, tetapi bolehkah rakyat Singapura mempersoalkannya. Kita boleh mengumpulkan gaji semua sanak saudara kita tetapi ia tidak mungkin mencapai apa diperoleh Goh setiap bulan.

"Jika Dr Mahathir memudahkan rakyat Singapura menjadi warga Malaysia, saya yakin ramai orang Singapura menjual flet mereka, mengeluarkan wang CPF dan meninggalkan pulau itu selama-lamanya.

"Di Malaysia kita boleh membeli kediaman privet tanpa memikirkan soal meletak kereta bermusim dan denda. Kita tidak perlu risau mengenai COE, ERP dan apa lagi."

Selanjutnya rakyat Singapura yang tidak menyatakan namanya itu mendedahkan mungkin sebelum ini ramai rakyat China dan India berhijrah ke Singapura tetapi kini pendatang dari Hong Kong sudah pun berpindah lagi

kali ini ke Kanada dan Amerika Syarikat.

Hanya segelintir Cina Malaysia bersedia menjadi warga Singapura termasuk

seorang dari Pulau Pinang yang kini menjadi ahli Parlimen.

"Kesilapan paling besar bapa saya (Allahyarham) adalah tidak berpindah ke sini ketika Singapura ditendang dari Malaysia. Jika dia masih hidup sudah tentu dia menyesal melihat apa berlaku di Singapura.

"Bagaimana saya hendak memberitahu ini kepada Goh. Jika kami bercakap mengenai perkara itu, sudah tentu kami dituduh pengkhianat, ahli JI atau jika tidak dijadikan bankrap mungkin ditangkap ejen ISD.

"Bila anda mengecam atau mengulas mengenai Dr Mahathir anda begitu berani dan ghairah kerana anda tahu beliau tidak akan menyaman anda hingga menjadi bankrap.

"Anda butakan mata melihat apa berlaku di negara sendiri. Apabila Lee Kuan Yew berucap kepada mahasiswa universiti yang kononnya paling bijak, mereka begitu takut untuk mengajukan soalan.

"Saya yakin SM Lee kecewa. Melalui dasarnya dilaksanakan Goh rakyat Singapura tidak berani bersuara. Mereka khuatir jika mereka bangkit mempersoalkan sesuatu, mereka akan menghadapi nasib yang sama seperti golongan sebelum ini - dibankrapkan, dipenjara atau diusir."

Akhbar ST memang ada ramai penulis yang gemar mencerca Malaysia dan mempersenda pemimpin kita seperti dilakukan penulis rencana berkenaan. Di

antaranya adalah bekas pegawai penganalisis perisikan yang begitu celupar,

tetapi kini nampaknya kecut.